

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk nngkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 6A Akta Syarikat 1965, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 6A. Akta 125.

- (a) dengan memotong perkataan "or" selepas koma bertitik dalam perenggan (10) (b);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (10) (c) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan "or"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (10) (c), perenggan baru (d) yang berikut:

Act "(d) the fact that it is held by, or in the name of, a central depository or its nominee company pursuant to the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991."

Pindaan
seksyen 39.

3. Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "and" selepas koma bertitik dalam perenggan (1)(h);
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (1)(i)(v) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan "and"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (1)(i), perenggan baru (j) yang berikut:

"(j) shall, where the prospectus offers shares, notes or other marketable securities which have been specified by a stock exchange as prescribed securities under section 14 of the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991, state that such shares, notes or marketable securities have been so prescribed and that applicants are required to have securities accounts when making their applications."

Act

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Akta Syarikat 1965 yang adalah perlu oleh kerana diperkenalkan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositor! Pusat) yang dicadangkan.

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 6A(10) dengan memasukkan perenggan baru (d) supaya sesuatu kepentingan mengenai sesuatu syer tidaklah tak diambil kira semata-mata oleh sebab syer itu adalah dipegang oleh, atau atas nama, depositori pusat atau syarikat namaannya.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 39(1) yang berhubungan dengan kandungan prospektus- Perenggan baru (j) memperuntukkan bahawa jika syer, nota atau lain-lain sekuriti telah dinyatakan oleh suatu bursa saham sebagai suatu sekuriti ditetapkan di bawah seksyen 14 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang dicadangkan itu, prospektus hendaklah menyatakan bahawa syer, nota atau sekuriti lain itu telah ditetapkan sedemikian dan bahawa pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mempunyai akaun-akaun sekuriti apabila membuat permohonan mereka.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1643.]